Unit Komunikasi Korporat

# KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 7/1/2020 | MUKA SURAT | : | 18 |
| JABATAN | : | PAAB | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |

## PAAB bantu 250 pelajar kurang berkemampuan

**HULU LANGAT** - Seramai 250 pelajar terdiri daripada empat sekolah terletak di jajaran pembinaan Projek Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 menerima bantuan persekolahan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Aset Air Berhad, Abdul Hadi Ali berkata, menerusi peruntukan khas sepanjang tahun 2020, kesemua empat sekolah berkenaan juga akan menerima bantuan persekolahan dari masa ke masa termasuk Bantuan *Back to School* yang diserahkan kepada 250 pelajar kurang berkemampuan.



Pelajar dibawa meninjau Loji Rawatan Air (LRA) Langat semalam.

"Antara sekolah terlibat ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Dusun Nading dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dusun Nanding di Hulu Langat serta SK Ampang dan SMK Taman Kosas di Ampang," katanya pada Majlis PAAB Schools Sustainability Program 2019-2020 di sini semalam.